

04 MAR 1998

Abdullah

INDONESIA PERLU DIBERI SOKONGAN BERTERUSAN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Indonesia perlu diberi sokongan berterusan untuk menangani kegawatan ekonomi bagi memulihkan keyakinan di rantau ini.

"Ini penting bagi membolehkan pucuk pimpinannya menangani masalah ekonomi di negara itu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Penolong Setiausaha Negara Amerika bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Stanley Roth, di Wisma Putra di sini hari ini.

Abdullah berkata Roth dan beliau berkongsi pandangan bahawa "negara-negara sahabat" perlu terus memberi sokongan mereka kepada Indonesia dan ia merupakan hasrat Asean untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan agar dapat membantu memulihkan ekonomi rantau ini.

Beliau berkata Malaysia akan bekerjasama dengan siapa sahaja yang dipilih oleh rakyat Indonesia untuk memimpin negara itu.

Presiden Suharto telah dicalonkan untuk mempertahankan jawatannya bagi penggal ketujuh berturut-turut manakala Menteri Penyelidikan dan Teknologi B.J. Habibie sebagai naib presiden.

Roth singgah di sini selepas mengiringi duta khas Presiden Bill Clinton ke Indonesia, Walter Mondale, untuk membincangkan mengenai perkembangan terkini di negara-negara yang dilanda masalah ekonomi.

Abdullah kemudian mengadakan pertemuan dengan Menteri Negara Bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel Britain, Derek Fatchett.

Fatchett memberitahu pemberita kemudiannya bahawa Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) kedua di London bulan depan akan ditumpukan kepada masalah ekonomi yang melanda Asia.

Fatchett, yang sebelum itu mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, berlepas ke Jakarta selepas itu.

Mengenai pertemuannya dengan Dr Mahathir, Fatchett berkata mereka membincangkan mengenai mesyuarat Asem khususnya kesulitan kewangan yang dihadapi rantau ini.

Beliau "sukacita" mendapati ekonomi Malaysia kini menunjukkan tanda-tanda akan pulih.-- BERNAMA

MAM oba